

**Serah isu politik kepada ahli politik
Malaysiakini.com
Apr 14, 2008**

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kakitangan awam hendaklah menyerahkan soal politik kepada orang politik selesaikan.

Perdana Menteri meminta kakitangan awam menjalankan tugas sebagai penjawat awam dengan melaksanakan arahan kerajaan dari semasa ke semasa.

"Soal politik biar orang politik selesaikan. Peranan pegawai kerajaan laksana arahan dari semasa ke semasa," katanya Abdullah yang juga menteri kewangan pada perhimpunan bulanan kementerian itu.

Bagaimanapun, menurut laporan Bernama, beliau tidak menghuraikan dengan lebih lanjut maksud "soal politik biar orang politik selesaikan."

Abdullah mengulangi kenyataannya tidak mahu kementerian itu menjadi penyebab sesuatu projek atau dasar kerajaan tidak dapat dilaksanakan akibat kelewatan memproses permintaan agensi pelaksana.

"Kita tak nak permintaan agensi pelaksana tersangkut di Perbendaharaan," katanya.

Agensi pelaksana

Abdullah berkata, segala permohonan yang dikemukakan kepada kementerian itu perlu diberikan keutamaan dan perhatian segera supaya agensi pelaksana dapat melaksanakan kerja mereka dengan segera.

Ini termasuk soal keputusan tender yang dikemukakan oleh kementerian dan agensi lain, katanya.

Hal ini penting lebih-lebih lagi tempoh untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan dan kajian pertengahan penggal rancangan itu sedang dibuat, kata Abdullah.

"Kukuhkan tekad supaya apa yang dirancang dapat dilaksanakan," katanya.

Turut hadir menteri kewangan kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.